

07/11/1999

Rakyat wajar yakin kebolehan sendiri

KUALA LUMPUR: Kemerdekaan sesebuah negara itu, akan lebih bermakna sekiranya pemikiran bangsanya turut bebas sehingga mampu untuk mentadbir negaranya mengikut acuan sendiri.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Abdul Azim Mohd Zabidi, berkata menjadi tanggungjawab semua rakyat untuk mengisi kemerdekaan yang diperjuangkan nenek moyang mereka.

"Insya-Allah dengan sikap yakin kepada kebolehan bangsa sendiri, kita akan dapat mengatasi segala rintangan yang mungkin menerpa dalam meneruskan perjuangan sebagai negara dan bangsa merdeka," katanya ketika melancarkan Poster Bangsa Merdeka di Laman Seni Pena di sini, malam kelmarin.

Ini adalah julung kali Pergerakan Pemuda Umno bersama Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) mengadakan poster seumpama dan serentak itu, turut berlangsung majlis Pembacaan Puisi dan Pameran Mini Bangsa Merdeka.

Turut hadir di majlis itu ialah beberapa ketua bahagian pergerakan Pemuda Umno di Wilayah Persekutuan dan Setiausaha Agung Pena, Wan Omar Wan Ahamed (Sutung Umar RS).

Poster yang bertujuan membangkitkan semangat bangsa merdeka itu, memuatkan bait puisi karya Abdul Azim; gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein; Menara Berkembar Kuala Lumpur; dan Sistem Pengangkutan Aliran Ringan (LRT).

Abdul Azim yang juga Pengerusi Bank Simpanan Nasional Malaysia berkata, lapisan rakyat di kota mahupun di desa perlu berkorban demi mempertahankan maruah dan martabat agama, bangsa dan negara.

"Kita perlu memperbaharui tekad dan azam untuk sama-sama membina negara dan bangsa yang benar-benar merdeka. Sudah pasti poster, pameran dan bacaan puisi bertema bangsa merdeka sedikit sebanyak membantu ke arah berkenaan," katanya.

(END)